

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# KKM jangka 6,000 kes positif dalam seminggu

## Kementerian lipat ganda usaha di lapangan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mahani Ishak  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan 6,000 kes positif COVID-19 dicatat dalam tempoh seminggu, melebihi jangkakan 5,000 kes dalam dua minggu oleh penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah,

berkata ia berikutan tindakan Kementerian melipatgandakan usaha di lapangan.

"Jika USM menjangkakan 5,000 kes dalam tempoh dua minggu, kita menyasarkan 6,000 kes seminggu," katanya pada sidang media perkembangan terkini COVID-19 di sini, semalam.

Katanya, KKM juga memerlukan masa sehingga tiga minggu untuk melandaikan lekuk.

"Kita menjangkakan nilai kebolehan jangkitan pada paras R-naught (R0) 0.5," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin usaha melandaikan lekuk COVID-19 di negara ini dapat dicapai dengan kerjasama semua pihak.

"Negara ini boleh mencapai sasaran jika mempunyai kerjasama padu daripada rakyat Malaysia



Dr Noor Hisham (kanan) pada sidang media harian berkaitan jangkitan COVID-19 di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

untuk bersama membantu KKM dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Ahad lalu, penyelidik USM memberi amaran bahawa peningkatan kes sehingga 5,000 dalam tempoh dua minggu, selain menjangkakan pertambahan kes kematian.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, kes positif COVID-19 yang dikesan di asrama pekerja kilang elektronik di Bangi mempunyai kaitan epidemiologi dengan Kluster Hentian yang terletak empat kilometer antara satu sama lain.

Katanya, kes itu menyumbang

kepada peningkatan Kluster Hentian.

"Jika dilihat, hari ini (semalam) banyak pertambahan kes bagi kluster ini," katanya mengulas pengesahan mengenai kes berkenaan yang tular di media sosial.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan KKM, Kluster Hentian berada tempat teratas merekodkan kes baharu dengan 67 jangkitan.

Ia menjadikan jumlah positif adalah 325 kes dengan 241 pesakit masih dirawat di hospital.

Terdahulu, menerusi perkongsian Bangi Community di Twitter

menyatakan 28 individu disahkan positif COVID-19, manakala 146 masih menunggu keputusan.

Sementara itu, mengulas Kluster Dialisis yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, tiga daripada petugas kesihatan KKM antara positif COVID-19.

"Seorang daripada mereka membuat ujian saringan sporadic. Virus ini sudah ada dalam komuniti," katanya.

Kluster Dialisis membabitkan daerah Sandakan dan Lahad Datu yang setakat ini sudah mengesan 19 individu disahkan positif COVID-19.

## 1,032 kes baharu, lapan kematian direkod semalam

**Putrajaya:** Kes positif COVID-19 terus mencatatkan empat angka apabila sebanyak 1,032 kes direkodkan dengan lapan kes kematian baharu, setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sehingga kini 35,425 kes COVID-19 direkodkan sehingga semalam, manakala 820 kes pulih dan menjadikan jumlah kumulatif adalah 24,815 kes atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, Sabah mencatatkan jumlah tertinggi membabitkan 646 kes (62.6 peratus) daripada keseluruhan kes positif harian, manakala negeri di Lembah Klang mencatatkan sebanyak 244 kes atau 23.6 peratus daripada keseluruhan kes yang direkodkan.

"Wilayah Persekutuan (WP) Labuan pula mencatatkan 28 (2.7 peratus) kes positif pada hari ini. Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 918 kes (89 peratus) secara keseluruhan.

"Negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 98 kes (9.5 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster penjara dan pusat tahanan sementara (PTS) iaitu Kluster Penjara Sandakan (34 kes), Kluster Penjara Keperayan (24 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (16 kes), Kluster Rumah Merah (11 kes), Kluster Tembok (8 kes) dan Kluster Benteng PK (5 kes).

Beliau berkata, tiga daripada kes dilaporkan semalam adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, semuanya membabitkan warga asing.

Katanya, mereka masing-masing tiba dari India, Singapura dan Filipina, manakala hanya satu kes membabitkan individu pulang dari Sabah menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September lalu adalah 479 kes.

Mengenai kes positif di Sabah, Dr Noor Hisham berkata, ia termasuk 54 kes daripada kluster baharu iaitu Kluster Penjara Sandakan, Kluster Dialisis dan Kluster Sepanggar; 367 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19 dan 179 kes daripada saringan lain.

Di Selangor, katanya, 231 kes dilaporkan termasuk dua kes da-

ripada kluster baharu iaitu Kluster Aero; 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; satu kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); satu kes saringan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SART); dan 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

"Sebanyak 44 kes dilaporkan di Negeri Sembilan iaitu 36 kes daripada kluster, termasuk 16 kes daripada kluster baharu iaitu Kluster Lengkok; satu daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19 dan tujuh kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

"Di Wilayah Persekutuan Labuan, 28 kes dilaporkan iaitu enam kes daripada kluster sedia ada; 10 kes daripada saringan kon-

tak rapat kes positif COVID-19; dan 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19, manakala 25 kes dilaporkan di Kedah iaitu 23 kes daripada kluster sedia ada; dan dua kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

"Kita turut mengesan 23 kes positif di Pulau Pinang iaitu 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan dua daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19," katanya.

Sembilan lagi kes positif dikesan di Sarawak membabitkan enam kes daripada kluster sedia ada; satu kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan dua kes daripada lain-lain saringan COVID-19, manakala tujuh kes dicatatkan di Kuala Lumpur masing-masing tiga kes daripada kluster sedia ada; dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19; serta satu kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

Perak mencatatkan enam kes daripada kluster sedia ada, manakala empat kes direkodkan di Putrajaya iaitu tiga kes daripada Kluster Gading dan satu kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Tiga kes dicatatkan di Terengganu iaitu daripada kluster sedia

ada; dua di Kelantan membabitkan saringan kontak rapat kes positif.

Selain itu, beliau berkata, tujuh daripada lapan kes kematian adalah di Sabah, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia 271 atau 0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan jangkitan.

Katanya, satu lagi kematian dilaporkan Hospital Raja Permaisuri Bainun di Perak iaitu seorang lelaki berusia 79 tahun yang mempunyai latar belakang darah tinggi, dislipidemia dan penyakit buah pinggang.

Dr Noor Hisham berkata, enam kluster jangkitan COVID-19 dicatatkan semalam, dengan tiga daripadanya dilaporkan di Sabah iaitu Kluster Penjara Sandakan, Dialisis dan Sepanggar.

Beliau berkata, dua lagi kluster; iaitu Kluster Aero dan Lengkok masing-masing dikesan di Petaling dan Sepang di Selangor, Seremban, Port Dickson serta Rembau di Negeri Sembilan dan satu lagi, Kluster Gading, dikesan di Putrajaya dan Seremban.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Embun di Selangor dan Bah Tanjung di Terengganu diisytiharkan tamat semalam.

**Sehingga kini 35,425 kes COVID-19 direkodkan sehingga semalam, manakala sebanyak 820 kes pulih.**

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## KKM tolak permintaan akses data mentah COVID-19

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) tidak dapat memenuhi permintaan segelintir pihak untuk mendapatkan akses kepada data mentah COVID-19.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia bagi mengelak risiko tafsiran data yang bertentangan atau tidak seragam oleh pelbagai agensi yang terbabit dan kemungkinan menyebabkan masyarakat panik serta berclaru susulan maklumat yang disampaikan.

"KKM membuat penurunan kuasa untuk perkongsian data yang agak terperinci dengan pihak Polis Diraja Malaysia

(PDRM) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Namun begitu, kebenaran khas ini dan data yang dikongsi melalui peruntukan terabit hanya boleh diguna pakai sepanjang tarikh kuat kuasa penurunan kuasa.

"Berikutan beberapa insiden tidak diingini berhubung pengurusan data mentah sebelum ini, KKM tidak dapat memenuhi permintaan sesetengah pihak untuk mendapatkan akses kepada data mentah COVID-19," katanya menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Da-



**Berikutan beberapa insiden tidak diingini berhubung pengurusan data mentah sebelum ini, KKM tidak dapat memenuhi permintaan sesetengah pihak.**

**Dr Adham Baba,**  
Menteri Kesihatan

tuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (AMANAH-Kuala Selangor) mengenai kesediaan KKM menjalin kerjasama perkongsian data antara wilayah khususnya di Selangor dalam menangani gelombang ketiga COVID-19.

Dr Adham berkata, KKM mengambil maklum penubuhan Selangor Task Force COVID-19 (STFC), yang antara lain bertujuan membangunkan keupayaan kerajaan negeri dari segi penggunaan analitik Big Data dan Pembelajaran Mesin ke arah pelaksanaan saringan dalam komuniti dan pengesanan kontak supaya ia lebih terarah dan bersasar.

Tegasnya, KKM mengalu-alukan tindakan proaktif itu selaras komitmen memastikan tanggungjawab bagi pandemik COVID-19 digalas bersama oleh pelbagai kementerian dan agensi.

"Penubuhan STFC turut bertujuan mendidik masyarakat supaya mempunyai kefahaman yang betul mengenai COVID-19.

"Melaluinya, masyarakat diharap menjadi lebih bertanggungjawab bagi berperanan sebagai petugas barisan hadapan dan terus mengamalkan norma baharu dalam usaha membantu kerajaan memerangi penularan COVID-19," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



PETUGAS Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang lengkap dengan kelengkapan pelindung diri (PPE) berehat sementara menunggu penduduk menjalani saringan Covid-19 di Surau Al-Hasanah Lupak Meluas, Sandakan, semalam.

## Masih lagi 4 angka

Daripada 1,032 jangkitan baharu tiga babitkan kes import

Oleh Saipul Adli Mohamad, Amir Abd Hamid dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
am@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**K**es baharu Covid-19 di Malaysia, semalam kekal empat angka apabila mencatatkan 1,032 kes, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 35,425 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 1,032 kes baharu itu, tiga kes membabitkan kes import

iaitu bukan warganegara dari India, Singapura dan Filipina.

Beliau berkata, daripada 1,029 kes jangkitan tempatan, Sabah kekal mencatatkan kes tertinggi iaitu 646 kes termasuk daripada tiga kluster baharu.

"Negeri lain iaitu Selangor (231 kes), Negeri Sembilan (44 kes), Wilayah Persekutuan Labuan (28 kes), Kedah (25 kes), Pulau Pinang (23 kes) dan Sarawak (9 kes).

"Selain itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (7 kes), Perak (6 kes), Wilayah Persekutuan Putrajaya (4 kes), Terengganu (3 kes), Kelantan (2 kes) dan Johor (1 kes).

"Ia menjadikan kes aktif dengan kebolehan jangkitan ketika ini adalah 10,339 kes dan mereka sudah diasingkan serta dirawat di hospital," katanya pada sidang media harian Covid-19, semalam.

Beliau berkata, sebanyak

820 kes pulih Covid-19 dicatatkan semalam dan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 24,815 kes atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Menurutnya, sehingga kini, terdapat 82 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) membabitkan 27 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, terdapat pertambahan lapan kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kematian di Malaysia mencecah 271 kes atau 0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan.

**Sabah kekal mencatatkan kes tertinggi iaitu 646 kes**  
Dr Noor Hisham

## Enam lagi kluster baharu dikenal pasti

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti enam kluster baharu di Sabah, Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster terbabit dikenal pasti seba-

gai Kluster Penjara Sandakan di Sandakan, Sabah; Kluster Dialisis di Sandakan dan Lahad Datu, Sabah dan Kluster Sepanggar di Kota Kinabalu, Sabah.

Menurutnya, selain itu, Kluster Aero di Petaling, Selangor; Kluster Lengkok membabitkan daerah Sepang, Seremban, Port Di-

ckson dan Rembau serta Kluster Gading yang dikesan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Seremban.

"Kluster Penjara Sandakan dikesan kes indeks ke-29,176 hasil saringan banduan pada 27 Oktober lalu. Saringan kontak rapat mengesan sebanyak 38 lagi

kes positif Covid-19. Sehingga hari ini (semalam) seramai 293 individu disaring.

"Daripada jumlah itu 39 kes dikesan positif Covid-19 (34 kes baharu) dan 254 individu masih menunggu keputusan," katanya pada sidang media harian di sini, semalam.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

Negara catat kes harian empat angka buat kali keempat

# 1,032 kes, lapan kematian direkod

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** - Kali keempat negara merekodkan kes harian melebihi 1,000 dengan semalam sebanyak 1,032 kes dilaporkan menjadikan jumlah kes positif sebanyak 35,425 kes.


Angka kes tersebut antara lain disumbangkan daripada 40 kluster aktif dengan enam daripadanya 'kluster baharu' iaitu Kluster Penjara Sandakan, Kluster Dialisis, Kluster Sepanggar, Kluster AERO, Kluster Lengkung dan Kluster Gading.

Pertambahan kes kematian turut direkodkan dengan lapan kes semalam dengan mangsa berusia antara 56 hingga 83 tahun menjadikan sebanyak 271 kes kematian dicatatkan sehingga kini.

Kes kematian itu melibatkan tujuh lelaki dan seorang wanita meninggal dunia di Sabah iaitu Hospital Duchess of Kent, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Hospital Tuaran dan Hospital Tawau selain Hospital Raja Permaisuri Bainun di Perak dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah mencatatkan 646 kes atau 62.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes positif harian, manakala sebanyak 244 kes atau 23.6 peratus di negeri-negeri Lembah Klang dan 28 kes atau 2.7 peratus di Labuan.

Menurutnya, kelima-lima negeri tersebut menyumbang 918



ORANG ramal beratur untuk mendapatkan surat pelepasan kuarantin selepas tempoh kuarantin sendiri tamat di Plaza Hentian Kajang, Kajang semalam. - FARIZ RUSADIO

kes atau 89.0 peratus secara keseluruhan dan ia masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Sebanyak 98 kes atau 9.5 peratus melibatkan Kluster Penjara Sandakan (34 kes), Kluster Penjara Kepayan (24 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (16 kes), Kluster Rumah Merah (11 kes), Kluster Tembok (lapan kes) dan Kluster Benteng PK (lima kes).

"Daripada jumlah kes baharu, tiga daripadanya kes import melibatkan warga asing tiba dari India, Singapura dan Filipina, manakala terdapat satu kes penularan tempatan memabatkan pengunjung pulang dari Sabah," katanya pada sidang

akhsar di sini semalam.

Beliau berkata, satu daripada kluster baharu ialah Kluster Penjara Sandakan di Sandakan dengan kes indeks lelaki berusia 35 tahun positif saringan banduan dan susulan itu, 38 lagi kes positif dikenal pasti.

"Kluster Dialisis pula di Sandakan dan Lahad Datu dengan tiga kes indeks hasil saringan petugas kesihatan dan kemudian, 16 lagi kes positif ditemui serta dimasukkan ke Hospital Lahad Datu.

"Seterusnya Kluster Sepanggar di Kota Kinabalu iaitu kes indeks dikenal pasti saringan individu bergejala dan dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Ren-

dah, Institut Kemahiran Mara (IKM) Sepanggar dan susulan itu, tujuh lagi kes dikenal pasti," katanya.

Berhubung Kluster AERO, Noor Hisham berkata, ia melibatkan daerah Petaling, Selangor dengan kes indeks wanita berusia 63 tahun yang positif hasil saringan kontak rapat dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh sekali gus mengesan lagi 10 kes positif.

Menurutnya, Kluster Lengkung melibatkan daerah Sepang, Selangor dan Seremban, Port Dickson serta Rembau, Negeri Sembilan dengan kes indeks lelaki berusia 25 tahun hasil saringan individu bergejala telah dima-

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
• Kes baharu	1,032
• Import: 3 Tempatan: 1,029	
• Pulih	820
• Kematian	8
• Masih dirawat	10,339
• Jumlah kes sembuh	24,815
• Jumlah Kematian	271
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>35,425</b>

sukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Sebanyak 23 lagi kes positif dikenal pasti dan telah dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar, Hospital Rembau dan Hospital Tampin.

"Kluster terakhir ialah Kluster Gading di Putrajaya dan Seremban memabatkan kes indeks lelaki berusia 40 tahun positif hasil saringan kontak rapat dan susulan itu, enam lagi kes dikenal pasti dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, dua lagi kluster diisytiharkan tamat semalam memabatkan Kluster Embun dan Kluster Bah Tanjung menjadikan sebanyak 119 kluster ditamatkan.

## '6,000 kes dalam tempoh seminggu'

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan sebanyak 6,000 kes positif Covid-19 dalam tempoh seminggu melebihi jangkaan penyidik daripada universiti tempatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, KKM menjangkakan 6,000 kes positif dalam tempoh seminggu iaitu melebihi jangkaan penyidik Universiti Sains Malaysia (USM) susulan tindakan giat dijalankan di lapangan.

"Kalau universiti jangka 5,000 dalam tempoh dua minggu, kita sasar 6,000 kes dalam seminggu," katanya pada sidang akhsar di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, KKM memerlukan masa sehingga tiga minggu untuk melandaikan lengkungan dengan sasaran nilai kebolehtangkitan pada paras 0.5.



NOOR HISHAM

"Kita boleh capai sekiranya ada kerjasama padu daripada rakyat Malaysia untuk bersamasama bantu KKM dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Ahad lalu, penyidik USM memberi amaran bahawa pe-

ningkatan kes sehingga 5,000 dalam tempoh dua minggu selain menjangkakan kes kematian.

Sementara itu, beliau berkata, "Kita tidak memberitahu nama kilang tersebut tetapi paling penting ialah kita menemui kaitan antara pekerja kilang itu dengan Kluster Hentian."

"Hasil saringan yang dijalankan mendapati, terdapat sembilan kes positif melibatkan pekerja kilang itu berkaitan dengan kluster berkenaan.

"Kita tidak memberitahu nama kilang tersebut tetapi paling penting ialah kita menemui kaitan antara pekerja kilang itu dengan Kluster Hentian," katanya.

Baru-baru ini tular gambar dua ambulans dikatakan di hadapan asrama pekerja kilang di Bandar Baru Bangi selain maklumat mengatakan terdapat kes positif Covid-19.

## PDRM, SKMM buka 273 kertas siasatan berita palsu

**PETALING JAYA** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuka 273 kertas siasatan terhadap kes berita palsu berkaitan Covid-19, setakat semalam.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, 136 kes terbabit masih dalam siasatan, manakala 35 kes sudah didakwa di mahkamah, didapati bersalah (21), dan diberi notis amaran (13), dan diberi notis amaran (12).

"Sebanyak 404 penafian dan penjelasan mengenai berita palsu sudah dilakukan Pasukan Respons Pantas (PRP), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM).

"Tindakan penguatkuasaan

juga aktif diambil berdasarkan laporan yang diterima," katanya melalui sidang video Facebook Live semalam.

Tambahnya, orang ramai diingatkan supaya berhati-hati sebelum menyebarkan sebarang kandungan diragui kesahihannya dan perlu sentiasa menyemak terlebih dahulu sesuatu berita daripada sumber rasmi.

"Perkara yang belum tentu sahih, jika kita turut sebarkan dan sekiranya didapati tidak benar, anda juga boleh dikenakan tindakan.

"Jika ada sebarang berita diragui kesahihannya, anda boleh menyalurkan maklumat kepada PRP melalui talian **03-8911 5103** atau melayari: [www.sebenarnya.my](http://www.sebenarnya.my) untuk menyemak kesahihan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 6,000 kes positif dalam seminggu

Berikutan tindakan kementerian itu lipat gandakan usaha di lapangan

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

## PUTRAJAYA

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan 6,000 kes positif koronavirus (Covid-19) dalam tempoh seminggu melebihi jangkauan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia berikutan tindakan kementerian melipatgandakan usaha di lapangan.

"Kalau universiti jangka 5,000 dalam tempoh dua minggu, kita sasar 6,000 kes dalam seminggu," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Menurutnya, kementerian memerlukan masa sehingga tiga minggu untuk melandaikan lengkungan.

"Kita sasar nilai kebolehtangkitan pada paras 0.5," katanya.

Beliau berkata, pihaknya optimis ia dapat dicapai dengan kerjasama semua pihak.

"Kita boleh capai sasaran sekiranya ada kerjasama padu daripada rakyat Malaysia untuk bersama-sama bantu KKM dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Ahad lalu, penyelidik USM memberi amaran bahawa peningkatan kes sehingga 5,000

dalam tempoh dua minggu.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kes positif Covid-19 yang dikesan di asrama pekerja kilang elektronik di Bangi mempunyai kaitan epidemiologi dengan Kluster Hentian yang terletak empat kilometer antara satu sama lain.

Katanya, kes tersebut menyumbang kepada peningkatan Kluster Hentian.

"Kalau dilihat hari ini (semalam) ada banyak pertambahan kes bagi kluster ini," kata beliau ketika diminta untuk pengesahan mengenai kes berkenaan yang tular di media sosial.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh KKM, Kluster Hentian berada di tempat teratas merekodkan kes baharu dengan 67 kes.

Ia menjadikan jumlah kes positif adalah 325 kes dengan 241 pesakit masih dirawat di hospital.

## Kes baharu kekal empat angka

**PUTRAJAYA** - Jumlah kes baharu koronavirus (Covid-19) di Malaysia semalam sekali lagi mencatatkan empat angka iaitu 1,032 kes sekali gus menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehtangkitan virus itu kepada 10,339 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes positif itu, sebanyak 1,029 adalah kes penularan dalam negara manakala tiga lagi adalah kes import yang mendapat tangkitan dari luar negara masing-masing satu kes dari India, Singapura dan Filipina.

"Kesemua kes baharu hari ini (semalam) melibatkan kes-kes di Sabah sebanyak 646. Selangor (231), Negeri Sembilan (44), Labuan (28), Kedah (25), Pulau Pinang (23), Sarawak (9).


"Kuala Lumpur pula sebanyak tujuh kes, Perak (6), Putrajaya (4), Terengganu (3), Kelantan (2) dan Johor (1)," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes pulih Covid-19 semalam pula mencatatkan sebanyak 820 kes menjadikan kumulatif kes pulih sepenuhnya sehingga kini sebanyak 24,815 kes atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selam itu, terdapat lapan kes kematian direkodkan semalam. - Bernama


## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




\*Dikemas kini pada jam 8 malam 4 November 2020

Jumlah tangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 34,393 kes kepada 35,425 kes



## JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ISI	KEMATIAN	KES BAHARU
35,425	24,815	82	271	+1,032



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Kes positif masih empat angka

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Negara merekodkan kes positif empat angka dua hari berturut-turut iaitu 1,032 kes dengan lapan kematian.

Selain itu, pertambahan enam lagi kluster baharu dicatatkan membabitkan tiga di Sabah, dua di Selangor dan satu di Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Sehingga kini, terdapat 82 kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan 27 kes memerlukan bantuan

pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kes positif di Malaysia sebanyak 35,425 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan pula adalah 10,339 kes.

“Sabah masih mencatatkan jumlah tertinggi kes positif harian iaitu 646 kes, Selangor (231), Negeri Sembilan (44), Labuan (28), Kedah (25), Pulau Pinang (23), Sarawak (9), Kuala Lumpur (7), Perak (6), Putrajaya (4), Terengganu (3), Kelantan (2) dan

Johor (1).

“Tiga kluster baharu di Sabah ialah Kluster Penjara Sandakan membabitkan sebuah penjara di daerah Sandakan dengan 39 kes dikesan positif manakala Kluster Dialisis di Sandakan dan Lahad Datu, sebanyak 19 kes serta Kluster Sepanggar di Kota Kinabalu sebanyak lapan kes,” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, tiga lagi kluster ialah dua di Selangor iaitu Kluster Aero di Petaling sebanyak 11 kes dan Kluster Lengkuk di Sepang, sebanyak 24 kes.

“Bagi kluster keenam iaitu Kluster Gading di Putrajaya dan Seremban, Negeri Sembilan, sebanyak tujuh kes.

“Terdapat tiga kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara membabitkan bukan warganegara yang tiba ke negara ini iaitu India, Singapura dan Filipina masing-masing satu kes,” katanya.

Sementara itu katanya, dua kluster iaitu Kluster Embun dan Kluster Bah Tanjung yang tidak mempunyai kes kematian diisytiharkan tamat hari ini.



**ORANG** ramai beratur mendapatkan bantuan beras dan keperluan dapur yang disumbangkan oleh kumpulan sukarelawan Semporna Hero di Kampung Seri Sapi dan Kampung Maremo, Semporna, Sabah, semalam. - UTUSAN/FAUZANA AZIMA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19

# 1,032 NEW CASES YESTERDAY

Sabah, Labuan and Klang Valley record 918 cases

ESTHER LANDAU  
AND TEOH PEI YING  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

**W**ITH 1,032 new cases up to noon yesterday, there are now 35,425 cumulative cases in the country, 10,339 of which are active cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said three of the new cases involved non-Malaysians from India, Singapore and the Philippines.

At the daily press conference on Covid-19 cases, Dr Noor Hisham said Sabah, Labuan and the Klang Valley recorded 918 cases (89 per cent of the total), with 98 (9.5 per cent) linked to prison clusters and quarantine detention centres.

They include 34 cases at the Sandakan Prison cluster, Keparang Prison cluster (24), Seberang Prai Prison cluster (16), Rumah Merah cluster (11), Tembok cluster (eight) and Benteng PK cluster (five).

Sabah logged 646 cases, followed by Selangor (231), Negri Sembilan (44), Labuan (28), Kedah (25), Penang (23), Sarawak (nine), Kuala Lumpur (seven), Putrajaya (four), Terengganu (three), Kelantan (two) and Johor (one).

Dr Noor Hisham said 820 cases had recovered, bringing the tally to 24,815.

"Eighty-two people are receiving treatment in the intensive care unit, with 27 needing ventilator support."

Sabah recorded the highest number of recoveries with 472 cases, followed by Selangor (103),



People wearing face masks near the Masjid Jamek LRT station in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

Negri Sembilan (71), Labuan (66), Penang (46), Kedah (21), Perak (21), Sarawak (14), Johor (three), Kelantan (two) and Melaka (one).

Eight deaths were reported up to noon yesterday, with seven in Sabah and one in Perak.

Dr Noor Hisham said six Covid-19 clusters had been identified in Sabah, Selangor, Putrajaya and Negri Sembilan, while the Embun cluster and Tanjung cluster were closed.

He said the Sandakan Prison cluster, Dialysis cluster and Sepanggar cluster were reported in Sabah, while the Aero cluster, Lengkuik cluster and Gading cluster were reported in the Klang Valley and Negri Sembilan.

The Sandakan Prison cluster involved a prison in Sandakan

district where the index case was detected through inmate screenings on Oct 27.

The Dialysis cluster was detected in Sandakan and Lahad Datu districts where the index cases (case 25,306, case 25,316 and case 26,223) tested positive during medical staff screenings on Oct 23. "Once they were confirmed positive, we did contact tracing."

The index case for the Sepanggar cluster in Kota Kinabalu district was detected during a symptomatic individual screening on Oct 24.

Dr Noor Hisham said the Aero cluster was identified in Petaling district where the index case (case 35,186) was found positive during close contact screenings on Nov 3. The case has been admitted to Sungai Buloh Hospital.

The Lengkuik cluster involves Sepang district in Selangor as well as the Seremban, Port Dickson and Rembau districts in Negri Sembilan.

The Gading cluster involved Putrajaya and the Seremban district, he said.

"Thirty-two people linked to the cluster have been tested, with seven confirmed positive, eight negative and 17 awaiting results."

He said the two clusters that were closed, Embun in Selangor and Bah Tanjung in Terengganu, had recorded no deaths.

Meanwhile, police on Tuesday arrested 382 people for violating standard operating procedures

(SOP) under the Recovery Movement Control Order (RMCO).

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said from this, 364 people were issued compounds and 18 were remanded.

Among the offences were failing to wear face masks (136); not observing physical distancing (58); not providing visitors' log for premises (66); engaging in activities at entertainment outlets (42); staying open beyond operating hours (22) and others (58).

Police conducted 51,462 inspections for SOP compliance.

A total of 3,034 compliance teams involving 13,772 personnel conducted checks at 3,293 supermarkets, 4,369 restaurants, 926 factories, 1,550 markets, 2,828 worship places and 1,241 recreational areas.

Ismail Sabri said 16 illegal immigrants, five smugglers and two skippers were nabbed, and 10 land vehicles were confiscated in Op Benteng.

"A total of 279 roadblocks were mounted on Tuesday."

He said the entry of foreign workers was not allowed as the borders were closed, adding that the government policy on the matter had yet to change.

"We do not allow any foreign worker to enter the country, except with (prior) approval from the Immigration Department."

"Bangladesh is among the 23 countries worldwide with a high

risk of Covid-19 (prevalence).

"Although many workers have asked to return to Malaysia to work, we do not allow them to enter the country."

"If their embassy wants to speak with us on the matter, we welcome them. However, as I have said, the borders remain closed."

He said he had not been informed of the postponement or withdrawal of the Association of Chartered Certified Accountants and Certified Financial Adviser examinations by the Higher Education Ministry.

He said the examinations could be carried out with strict SOP with limited time spent in the examination room.

He said action could be taken against those who conducted meetings in offices during the Conditional Movement Control Order (CMCO).

Cases involving employers who flouted the order or did not follow the SOP, he added, would be taken to the Public Service Department director-general and the International Trade and Industry Ministry for action.

He announced a two-week CMCO in sub-district 12 of the Penang southwest district from Nov 6, and that the two-week Enhanced Movement Control Order imposed on the Taman Harmoni People's Housing Project in Sandakan, Sabah, would end today as scheduled.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

# We can flatten the curve, says DG

'That is our target – it can be achieved with the full cooperation of all Malaysians'

**PUTRAJAYA:** With the level of infectivity for the Covid-19 outbreak in Malaysia lowering, the Health Ministry is hoping it could flatten the curve within the next three weeks.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's R0 value – which indicates the level of infectivity of a virus outbreak – has gone down to 1.0 from 2.2 in two weeks.

At the daily Covid-19 briefing here, Dr Noor Hisham showed the ministry's projection chart which

indicated that the number of daily cases should be around 971 if the R0 was at 1.0.

"If the R0 is 1.5 as it was a few days ago, we would have gotten 1,621 cases today. But today, there are 1,032 cases. The day before, there were 1,054 cases.

"So we are within the realm of the 1.0 R0 value, and we are holding on there. If the daily cases remain around 971, in a week we would have more than 6,000 cases," he said.

Dr Noor Hisham said the ministry is aiming to flatten the curve and

reduce the R0 to 0.5 in the next two to three weeks.

"If we can flatten the curve and reduce the R0 from 2.2 to 1.0 in two weeks, then in another two to three weeks it is possible to go to 0.5.

"That is our target and we believe we can achieve it if we have full cooperation from Malaysians.

"The people can help us by staying home if there are no important errands outside. If they have to go out, they must comply with our standard operating procedure.

"That is the way to control Covid-

19 and break the chain of its infection," he said.

Earlier, Dr Noor Hisham announced 1,032 new cases, bringing the country's total to 35,425.

Sabah, he said, recorded 646 cases or 62.6% of Wednesday's new cases, while the Klang Valley had 244 or 23.6% of the total.

Active cases in the country have gone up to 10,339.

There were 820 patients who were discharged, which means the total number of people who have recovered from Covid-19 in the

country is 24,815.

Dr Noor Hisham also announced eight new Covid-19 fatalities, bringing the country's death toll to 271.

Seven of the deaths were in Sabah while one was reported in Perak.

There were three import cases involving non-nationals who had arrived from Singapore, India and the Philippines.

Dr Noor Hisham also said the ministry has detected six new infection clusters, making it a total of 143 active clusters in the country.



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# 1,032 cases reported, eight deaths

## Sabah registers highest number of infections, at 646

**PETALING JAYA:** The number of new Covid-19 infections in the country in the last 24 hours remained at four digits with 1,032 cases recorded, taking the total number of active cases to 10,339.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the positive cases 1,029 were locally transmitted cases while the other three were imported cases, involving three foreigners from India, Singapore and the Philippines.

"All new cases involved cases in

Sabah with 646 cases, Selangor (231), Negri Sembilan (44), Labuan (28), Kedah (25), Penang (23), Sarawak (nine).

"Kuala Lumpur has seven cases, Perak (six), Putrajaya (four), Terengganu (three), Kelantan (two) and Johor (one)," he told a press conference yesterday.

Noor Hisham said there were 820 recoveries yesterday, taking the recovery tally to 24,815, or 70% of the total number of cases.

There were eight new fatalities yesterday, putting the death toll in

Malaysia at 271.

Meanwhile, 82 cases are being treated in intensive care units, with 25 requiring ventilator assistance.

Six new Covid-19 clusters were detected in Sabah, Selangor, Negri Sembilan and the Federal Territory of Putrajaya yesterday.

The first, known as the Sandakan Prison Cluster, involved an index case identified through a screening process on Oct 27.

"As of noon today, a total of 293 individuals from this cluster have been screened, of which 39 cases were positive, while 254 individuals are still awaiting their results," Noor Hisham said.

The second cluster, known as the Dialysis Cluster, was detected in Sandakan and Lahad Datu where

three index cases were found positive in a screening done on health staff on Oct 23.

He said 16 more cases were detected from the cluster based on screening of close contacts and all of them were being treated at the Lahad Datu Hospital.

The third, Sepang Cluster, was detected in Kota Kinabalu where screenings on close contacts revealed another seven positive cases.

"The index case for this cluster was found to be Covid-19-positive through a screening on symptomatic individuals on Oct 24 and admitted to the Covid-19 Low-risk Quarantine and Treatment Centre at the Mara Skills Institute in Sepang, Sabah," he said.

The fourth cluster was discovered

in the Petaling area known as the Aero Cluster involving an index case identified through close contact screenings on Nov 3.

Noor Hisham said another 10 out of the 95 individuals screened in the cluster were found positive.

Meanwhile, the Lengkok Cluster involved cases in Sepang, Seremban, Port Dickson and Rembau.

The index case for the cluster had been identified on Oct 28 and admitted to the Sungai Buloh Hospital.

The sixth, Kading Cluster, involved cases in the Federal Territory of Putrajaya and Seremban.

Of the 32 individuals who had been screened, seven were found positive, eight were negative, while 17 others are still awaiting results.